

12/BKH/2025



AGENSİ KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

**PRODUK KESIHATAN ANGGARAN BERNILAI RM4,460.00 DIRAMPAS
DI BUKIT KAYU HITAM**

BUKIT KAYU HITAM, 28 Julai 2025 – Percubaan seorang wanita warganegara Malaysia untuk menyeludup masuk empat produk kesihatan yang tidak berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan disyaki mengandungi racun berjadual berjaya digagalkan apabila barangan anggaran bernilai RM4,460.00 itu dirampas di pintu masuk Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) di sini, petang semalam.

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah merujuk produk berkenaan kepada Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, KKM pada jam 3:30 petang. Hasil pemeriksaan mendapati keempat-empat item produk kesihatan yang dibawa oleh wanita tersebut tidak berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) dan disyaki mengandungi racun yang dikawal di bawah Akta Racun 1952.

Untuk rekod, tahun ini KKM telah menyerahkan kepada JKDM sebanyak 7 barangan bernilai RM2,640.00 pada Januari, 18 barangan bernilai RM25,116.00 pada Mac, diikuti sebanyak 7 barangan bernilai RM5,230.00 pada Julai, ia menjadikan nilai keseluruhan barangan anggaran bernilai sebanyak RM32,986.00.

Tindakan lanjut akan merangkumi proses pelucuthakan dan pelupusan barangan tersebut dan siasatan lanjut ke atas wanita terbabit dilakukan mengikut peruntukan undang-undang sedia ada.

AKPS tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang cuba menyeludup masuk barangan terlarang yang boleh mengancam keselamatan dan kesihatan awam.

Gambar berkaitan:

https://drive.google.com/drive/folders/16w17sehvPKJ-r4npTPO2jndG2s3_0VVA?usp=sharing

TAMAT

28 JULAI 2025

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

AGENSİ KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

KEMENTERIAN DALAM NEGERI